



**GARIS PANDUAN
(STANDARD OPERATING
PROCEDURE, SOP)
PENGIMPORAN BENIH PADI
BAGI TUJUAN PENYELIDIKAN**

ISI KANDUNGAN

BIL	PERKARA	MUKA SURAT
A.	PERMOHONAN PENGIMPORAN <ul style="list-style-type: none"> • Borang PRA (Jadual 1) • Maklumat Tambahan Permohonan Pengimportan Padi (Bahan Tanaman) untuk tujuan Penyelidikan (Lampiran 1) • Akta Kuarantin Tumbuhan 1976 dan Peraturan-Peraturan Kuarantin Tumbuhan 1981: <ul style="list-style-type: none"> a) JADUAL KETIGA Peraturan 8 (1),(2) dan Peraturan 11 b) Peraturan 10 (2),(3) dan Peraturan 13 (1),(2) 	2
B.	SYARAT-SYARAT UMUM PENGIMPORAN BENIH PADI BIASA/HYBRID <ul style="list-style-type: none"> • Senarai Semak Dokumen Permohonan Pengimportan Padi Biasa/Hybrid bagi tujuan Penyelidikan 	11
C.	PERINGKAT – PERINGKAT PENYELIDIKAN	13
D.	CARTA ALIR PERMOHONAN PENGIMPORAN BENIH PADI UNTUK TUJUAN PENYELIDIKAN	14
E.	JAWATANKUASA PENGIMPORAN BENIH PADI (PBP)	16
F.	SENARAI SEMAK AKTIVITI KUARANTIN SELEPAS MASUK PENGIMPORAN BENIH PADI BAGI TUJUAN PENYELIDIKAN	18

A. PERMOHONAN PENGIMPORAN

1. Selaras dengan **Akta Kuarantin Tumbuhan 1976, Peraturan-Peraturan Kuarantin Tumbuhan 1981 dan *International Standards For Phytosanitary Measures (ISPM) No.2 dan 11 (Pest risk analysis for quarantine pests, including analysis of environmental risks and living modified organisms)***; semua pengimportan **artikel terkawal, tumbuhan dan produk tumbuhan** akan terlebih dahulu dijalankan **Analisis Risiko Perosak (Pest Risk Analysis, PRA)**.
2. Berdasarkan Akta Kuarantin Tumbuhan 1976 dan Peraturan-Peraturan Kuarantin Tumbuhan 1981, **JADUAL KETIGA PERATURAN 8 (1),(2) DAN PERATURAN 11 (Lampiran 2)**, kebenaran pengimportan benih padi / padi hybrid hanya dibenarkan bagi tujuan penyelidikan sahaja.
3. Semua organisasi/pengimport/pengeksport/agen penghantar atau mana-mana individu yang berminat untuk mengimport artikel terkawal, tumbuhan dan produk tumbuhan adalah **DINASIHATKAN** untuk menghantar surat rasmi permohonan pengimportan untuk tindakan selanjutnya yang mengandungi maklumat-maklumat seperti berikut :

Jadual 1 (Borang PRA)

Bil.	MAKLUMAT-MAKLUMAT YANG DIPERLUKAN DARIPADA ORGANISASI/PENGIMPORT/PENGEKSORT/AGEN PENGHANTAR ATAU MANA-MANA INDIVIDU
1.	Nama dan alamat penuh pengimport (No. Tel., No. Faks, E-mail)
2.	Nama dan alamat agen penghantar (No. Tel., No. Faks, E-mail)
3.	Nama dan alamat penuh pengeksport (No. Tel., No. Faks, E-mail)
4.	Nama saintifik/nama botanikal (genus dan spesies) konsainan/komoditi/produk tersebut
5.	Nama biasa konsainan/komoditi/produk
6.	Negara asal
7.	Tempat asal konsainan/komoditi/produk yang ingin diimport (nama penuh dan alamat ladang/nurseri atau sumber konsainan/komoditi/produk tersebut diperolehi/didapati di negara pengeksport)
8.	Bentuk pengimportan (contoh : biji benih/buah segar/anak benih pokok dan lain-lain lagi)
9.	<i>Genetically modified organism (GMO)/Living Modified Organism (LMO)</i>
10.	Tarif kod kastam
11.	Gambar konsainan/komoditi/produk
12.	Bahan pembungkus konsainan/komoditi/produk
13.	Tujuan pengimportan (penyelidikan/komersil)
14.	Kuantiti yang ingin diimport

15.	Kekerapan pengimportan akan dijalankan setahun
16.	Pintu masuk di Malaysia
17.	Kaedah pengangkutan (melalui darat/laut/udara)
18.	Kaedah pengimportan (kargo/kurier/ <i>hand carry</i>)
19.	Kaedah penyimpanan konsainan/komoditi/produk sepanjang tempoh pengeksportan
20.	Jarak (km) dari tempat akhir konsainan disimpan setelah rawatan kuarantin/pembungkusan dijalankan di negara pengeksport sehingga ke pintu keluar dan kaedah pengangkutan
21.	Alamat akhir gudang/premis penyimpanan di Malaysia (Cth : Kawasan <i>Free Trade Zone</i> , FTZ)
22.	Bagi tujuan penanaman nama dan alamat penuh tempat tersebut (ladang/nurseri di Malaysia)
23.	<p>Proses kerja atau carta alir dari peringkat awal sehingga ke proses akhir pengeksportan konsainan/komoditi/produk tersebut di pintu keluar negara pengeksport dan pintu masuk ke Malaysia iaitu (RUJUK LAMPIRAN 1) :</p> <ul style="list-style-type: none"> • Tempat asal konsainan/komoditi/produk tersebut diperolehi di negara pengeksport (ladang/nurseri/kilang/premis/makmal) • Tempat pengumpulan • Tempat makmal • Tempat pemprosesan • Tempat pembungkusan • Tempat penyimpanan konsainan/komoditi/produk disimpan sebelum dan selepas rawatan kuarantin di negara pengeksport dijalankan sehingga konsainan/komoditi/produk dihasilkan atau diperolehi di negara pengeksport. • Sila lampirkan maklumat dan gambar yang berkaitan
24.	Rekod ladang
25.	Jenis rawatan yang dijalankan ke atas konsainan/komoditi/produk di negara pengeksport
26.	Tempoh perjalanan (bil. hari) dari tarikh pengeksportan di pintu keluar negara pengeksport sehingga ke tarikh tiba di pintu masuk di Malaysia
27.	Certificate of Origin (COO) – Sijil negara asal
28.	Salinan sijil Fitosanitasi (Phytosanitary Certificate, PC) dari NPPO pengeksport
29.	Transit (sila nyatakan negara seterusnya)
30.	Pengeksportan semula (reexport) (sila nyatakan negara seterusnya)
31.	Jabatan Pertanian berhak mendapatkan lain-lain maklumat tambahan yang berkaitan.

Nota :

1. Jabatan Pertanian **TIDAK AKAN MEMPROSES** mana-mana permohonan pengimportan artikel terkawal (mikroorganisma) yang tidak lengkap diberikan oleh organisasi/pengimport/pengeksporth/agen penghantar atau mana-mana individu. Pemohon perlu menghantar surat permohonan rasmi, borang MOBO dan maklumat tambahan untuk tujuan penyelidikan **secara hard copy**. Permohonan akan **TERBATAL** sekiranya Jabatan Pertanian tidak menerima sebarang **maklumat permohonan yang lengkap** daripada pemohon dalam tempoh masa **6 bulan** dari tarikh penerimaan borang permohonan.
2. **PRA** hanya akan dijalankan selepas permohonan rasmi dan maklumat lengkap diterima secara **hard copy** oleh Jabatan Pertanian. Tempoh **PRA** adalah **6 – 24 bulan** bergantung kepada teknikal dokumen yang diterima daripada Pihak Berkuasa Kuarantin pengeksporth dan maklumat-maklumat tambahan yang diperolehi daripada pengimport serta literature finding.
3. Kelulusan permohonan pengimportan mikroorganisma tertakluk kepada keputusan **Jawatankuasa Pengimportan Benih Padi (JKPBP)**.
4. Jabatan Pertanian akan mengenakan penalti kepada organisasi/pengimport/pengeksporth/agen penghantar atau mana-mana individu sekiranya organisasi/pengimport/pengeksporth/agen penghantar atau mana-mana individu membatalkan permohonan pengimportan atau apa-apa sebab yang tidak munasabah.
5. Sebarang pertanyaan atau untuk mendapatkan maklumat lanjut, boleh menghubungi talian hotline : **03-2030 1500** (Unit Kawalan Import & PRA) atau e-mel : **pradoamy13@gmail.com** dan no. faks **03-2697 7164**. Permohonan secara *hard copy* dan sebarang surat-menyurat, dimohon untuk menghantar ke alamat berikut :

**Pengarah,
Bahagian Biosekuriti Tumbuhan,
Aras 2, Wisma Tani,
Jalan Sultan Salahuddin,
50632 Kuala Lumpur.
(U/P : Ketua Unit Kawalan Import & PRA)**

**MAKLUMAT TAMBAHAN PERMOHONAN PENGIMPORAN PADI (BAHAN TANAMAN) UNTUK TUJUAN
PENYELIDIKAN**


- 1. Proposal kajian :**
 - a. Tajuk Kajian :
 - b. Objektif Kajian :
 - c. Abstract (huraian ringkas kajian) :
 - d. Project Duration (jangka masa kajian) :
- 2. Methodology (Kaedah kajian)**
- 3. Gantt chart kajian**
- 4. Carta alir pengimportan dan kajian (dilampirkan panduan untuk carta alir)**
- 5. Maklumat (Alamat, Gambar Dll) makmal/nurseri/rumah kaca/premis bagi tujuan :**
 - a. Penanaman
 - b. Analisis
- 6. Prosedur pemusnahan konsainan selepas tamat kajian**

Nota :

1. Bahagian Biosekuriti Tumbuhan, Jabatan Pertanian Malaysia akan menjalankan verifikasi makmal/premis untuk memeriksa kemudahan dan keupayaan makmal/premis syarikat pengimport dalam proses menganalisis, mengendalikan pemusnahan dan penyimpanan sampel.

MAKLUMAT TAMBAHAN PERMOHONAN PENGIMPORAN PADI (BAHAN TANAMAN) UNTUK TUJUAN
PENYELIDIKAN


CARTA ALIR (DI NEGARA PENGEKSSPORT)



*Sila lampirkan maklumat dan gambar yang berkaitan bagi setiap proses. Proses/carta alir yang sebenar bergantung kepada prosedur di Negara pengeksport.

CARTA ALIR (DI MALAYSIA)

Standard Operating Procedure oleh Syarikat Pengimport dari Penerimaan Sampel hingga Pemusnahan Sampel



*Sila lampirkan maklumat dan gambar yang berkaitan bagi setiap proses.

AKTA KUARANTIN TUMBUHAN 1976 DAN PERATURAN-PERATURAN KUARANTIN TUMBUHAN 1981

(boleh dirujuk di laman web Jabatan Pertanian di www.doa.gov.my/myimport)

a) JADUAL KETIGA

THIRD SCHEDULE (Regulations 8 and 11)

PLANTS WHICH SHALL BE DESTROYED IF IMPORTED IN CONTRAVENTION OF THESE REGULATIONS

Ananas comosus (L.) Merr. (Pineapple)

All species of Artocarpus (Keledang)

Camellia sinensis (L.) Kuntze. (Tea)

Carica papaya L. (Papaya)

All species of Citrus and allied genera

All species of Coffea (Coffee)

All species of Colocasia and Zanthosoma (Taro)

Durio zibethinus Murr. (Durian)

All species of Forest trees

Glycine max (L.) Merr.

All species of Gossypium (Cotton)

All species of Hevea (Rubber)

Ipomoea batatas Poir. (Sweet potato)

All species of Leguminosae

All species of Mangifera

All species of Manihot (Cassavae)

All species of Musa and allied genera (Banana, Plantains and Manila hemp)

All species of Nephelium

All species of Nicotiana (Tobaccos)

All members of the Orchidaceae

Oryza sativa L. (Rice)

All members of the Palmaceae (coconut, oil palm and other palms)

All members of the Piperaceae (Peppers)

All species of Saccharum (Sugarcane)

Solanum tuberosum L. (Potato)

Zea mays L. (Maize)

All species of Theobroma (Cacao) and other plants known, or likely to be, hosts, of virus diseases of cacao (including all members of the families Bombacaceae and Sterculiaceae)

Plants grown in the American Tropics

Plants grown in the African Cacao Region

All species of Zingiberaceae.

b) PERATURAN 8 (1),(2)

8. Pengimportan ke dalam sesuatu kawasan komponen apa-apa tumbuhan *Theobroma cacao* L. (koko), *Cocos nucifera* (kelapa), *Elaeis guineensis* (kelapa sawit) atau **MANA – MANA TUMBUHAN BERJADUAL** yang dikenali sebagai perumah “cocoa swollen shoot virus complex, lethal yellowing, kaincope, cadang – cadang” atau **APA – APA LAIN VIRUS ATAU PENYAKIT YANG SERIUS DILARANG** melainkan :

- 1) Pengimportan itu adalah dibuat bagi **MAKSUD – MAKSUD PENYELIDIKAN**
- 2) Pengimportan itu adalah **DIKONSAINKAN KEPADA PENGARAH**

c) PERATURAN 10 (2),(3)

10. (2) Tiap – tiap konsaimen tumbuh – tumbuhan yang diimport ke dalam sesuatu kawasan komponen hendaklah **DIPERIKSA OLEH PEGAWAI PENGIMPORT SAMA ADA DI TEMPAT MASUK ATAU DI MANA – MANA TEMPAT LAIN YANG DILULUSKAN OLEH PENGARAH.**

10. (3) Pengarah boleh **MENETAPKAN CARA KUARANTIN, RAWATAN ATAU PEMUSNAHAN**, apa – apa konsaimen tumbuh – tumbuhan atau apa – apa bahagian daripada tumbuh – tumbuhan yang telah diimport ke sesuatu kawasan komponen, **YANG DIDAPATI ATAU DISYAKI BERPENYAKIT.**

d) PERATURAN 11

Sesuatu tumbuhan yang telah diimport ke dalam sesuatu kawasan komponen secara **MELANGGARI PERATURAN – PERATURAN INI** hendaklah ditahan oleh pegawai pengimport dan **BOLEH DILUPUSKAN** mengikut apa – apa cara sebagaimana yang diarahkan oleh Pengarah.

e) PERATURAN 13 (1),(2)

13. (1) Seseorang pegawai pengimport boleh mensita mana – mana makhluk perosak yang diimport atau disimpan yang berlawanan dengan peraturan – peraturan ini.

13. (2) Apabila seseorang merinyu kuarantin tumbuhan merasakan bahawa terdapat sebab yang munasabah untuk mempercayai bahawa mana – mana orang membawa atau memiliki atau mana – mana barang kepunyaan sendiri atau pembawa mengandungi atau membawa apa – apa tumbuhan, tanah, makhluk perosak, orhganisma berfaedah, kompos akar atau media tumbuhan atau apa – apa barang bukan tumbuhan yang melanggar peruntukan – peruntukan peraturan – peraturan ini, adalah sah di sisi undang – undang bagi merinyu kuarantin tumbuhan itu untuk menahan, memeriksa dan menggeledah orang itu dan untuk menyita barang kepunyaan sendiri atau pembawa itu dan mengambil tindakan yang sewajarnya sebagaimana diperuntukan oleh peraturan – peraturan ini.

f) DEFINISI

“merinyu kuarantin tumbuhan” ertinya Pegawai Pengimport Perkhidmatan Pertanian.

“pegawai pengimport” ertinya seseorang pegawai perkhidmatan kastam, pertanian atau pos bertugas di sesuatu tempat pemeriksaan masuk yang ditetapkan dan tempat – tempat masuk yang ditakrifkan di bawah Akta Kastam 1967.

“pembawa” ertinya dan termasuk apa – apa jenis kenderaan, vessel, pesawat udara atau kontena dalam mana – mana organisma berfaedah, media tumbuhan, barang bukan – tumbuhan, makhluk perosak, tumbuh – tumbuhan, kompos akar dan tanah boleh dipindahkan dari satu tempat ke tempat yang lain;

“perakuan fitosanitary” ertinya perakuan yang dibentangkan dalam Jadual Kedua yang dikeluarkan oleh seorang pegawai pemeriksa yang meperakui bahawa sebelum dihantar, telah membuat pemeriksaan secukupnya ke atas tumbuh – tumbuhan yang berhubung dengan pernyataan itu, atau sesuatu representatif dan mendapati tumbuh – tumbuhan atau contoh itu bebas daripada apa – apa makhluk perosak atau penyakit;

“sampah” ertinya segala bahan yang didapati keseluruhannya atau sebahagiannya daripada sayur – sayuran, buah – buahan atau bahagian – bahagian lain sesuatu tumbuhan dan bahan buangan lain yang dikaitkan dengan mana – mana bahan tersebut;

“tanah” ertinya apa – apa bahagian bumi atau bahan organik dan bahan mineral semula jadi lain yang mana tumbuh – tumbuhan boleh hidup;

“tempat pemeriksaan masuk yang ditetapkan” ertinya tempat pemeriksaan kastam yang dinyatakan dalam Jadual Kelima;

“transit tak terus” ertinya sesuatu konsaimen yang diambil atau dihantar daripada mana – mana negara dan dibawa masuk ke kawasan komponen hanya bagi maksud dibawa ke negara lain melalui pengangkutan yang sama atau pengangkutan yang lain, selepas mendapat kelulusan kastam masuk ke kawasan komponen;

“transit terus” ertinya konsaimen yang diambil dari atau dihantar daripada mana – mana negara dan dibawa masuk ke kawasan komponen hanya semata – mat abagi maksud dibawa ke satu negara lain mengikut cara pengangkutan yang sama atau yang lain tanpa mendapatkan kelulusan kastam;

“tumbuh – tumbuhan berjadual” ertinya tumbuh – tumbuhan yang dinyatakan di dalam Jadual Ketiga.

B. SYARAT-SYARAT UMUM PENGIMPORAN BENIH PADI / PADI HYBRID

1. Pengimportan benih padi / padi hybrid hanya dibenarkan diimport oleh agensi/institusi penyelidikan kerajaan sahaja seperti Malaysian Agricultural Research and Development Institute (MARDI), dan Institut Penyelidikan Tinggi Awam (IPTA).
2. Permohonan dari pihak swasta/syarikat, pengimportan hanya dibenarkan bagi tujuan penyelidikan dan secara usahasama bersama pihak MARDI dan IPTA.
3. Permohonan daripada pihak swasta/syarikat perlu mengemukakan dokumen berikut kepada pihak Jabatan bagi menyokong permohonan :
 - Perjanjian usahasama (MOU) dengan MARDI dan Universiti Kerajaan; dan
 - Proposal penyelidikan
4. Benih padi / padi hybrid yang diimport perlu menjalani rawatan kuarantin dan tindakan kuarantin selepas masuk untuk semusim penanaman (keperluan ini bergantung kepada kelulusan bersyarat permohonan dan tertakluk kepada keputusan Jawatankuasa Pengimportan Benih Padi)
5. Di peringkat awal kajian, semua benih padi / padi hybrid perlu ditanam di Stesen Penyelidikan MARDI Seberang Perai.
6. Pengimportan biji benih padi perlu diimport secara berperingkat iaitu 5 varieti/konsainan/pengimportan. Permohonan berikutnya adalah dalam tempoh masa 1 bulan daripada permohonan sebelumnya untuk agensi/pemohon yang sama.

**SENARAI SEMAK DOKUMEN PERMOHONAN PENGIMPORAN PADI BIASA/HYBRID
BAGI TUJUAN PENYELIDIKAN**

Nama Agensi/Institusi/Syarikat Pemohon/Pengimport : _____

Nama Agensi/Institusi/Syarikat Pengeksport/Pembekal : _____

Tarikh : _____

NO	PERKARA	✓ / X	CATATAN
1	Surat Rasmi Permohonan Pengimportan		
2	Surat Kelulusan dari Seksyen Kawal Selia Padi, Bahagian Industri Padi dan Beras, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani		
3	Borang PRA (Jadual 1)		
4	Maklumat Tambahan Penyelidikan (Lampiran 1): i. Proposal kajian ii. Methodology (Kaedah kajian) iii. Gantt chart kajian iv. Carta alir pengimportan dan kajian v. Maklumat (Alamat, Gambar dll) makmal/premis bagi tujuan analisis/penanaman		
5	Salinan Memorandum of Understanding (MOU) bersama Agensi/Institusi Penyelidikan Kerajaan		
6	Maklumat-maklumat lain berkaitan (jika perlu) : i. Laporan kajian bagi pengimportan terdahulu ii. Laporan perosak benih padi yang diimport iii. Rujukan saintifik perosak benih padi yang akan diimport iv. Lain – lain maklumat		

CATATAN :

Jabatan Pertanian berhak mendapatkan lain-lain maklumat tambahan yang berkaitan.

C. PERINGKAT – PERINGKAT PENYELIDIKAN

1. UJIAN PERCAMBAHAN DAN PENILAIAN

Ujian perlu dijalankan di makmal dan rumah kaca agensi/institusi penyelidikan kerajaan sahaja. Hanya 500 g benih padi biasa/hybrid per varieti per konsainan dibenarkan untuk setiap pengimportan.

2. ADAPTED TRIAL

Ujian penanaman di plot-plot tanaman agensi/institusi penyelidikan kerajaan yang akan diverifikasi terlebih dahulu oleh Unit Kuarantin Selepas Masuk (UKSM), Bahagian Biosekuriti Tumbuhan (BBT). Pemantauan dijalankan oleh pegawai Bahagian Padi, Tanaman Industri dan Florikultur (BPTIF) bersama UKSM, BBT. Hanya 5 kg benih padi biasa/hybrid per varieti per konsainan dibenarkan untuk setiap pengimportan. Jika terdapat risiko perosak/abnormaliti, pihak pengimport perlu melaporkan kepada Jabatan Pertanian dan Jabatan Pertanian berhak memusnahkan dan tidak membenarkan permohonan berikutan untuk varieti yang sama. Segala kos akan ditanggung oleh pihak pengimportan.


3. LOCAL VERIFICATION TRIAL (LVT)

Ahli mesyuarat bersetuju kelulusan hanya dipertimbangkan selepas laporan kajian tahap 1 & 2 dibentangkan oleh pengimport/penyelidik. Ianya perlu dijalankan di tapak-tapak LVT yang telah diverifikasi oleh UKSM, BBT dan memenuhi keperluan PEQ selama 2-3 musim (mengikut kelulusan bersyarat daripada JK PBP). Pemantauan akan dijalankan oleh BPTIF dan UKSM, BBT. Hanya 30 kg benih padi biasa/hybrid per varieti per konsainan dibenarkan untuk setiap pengimportan. Size plot yang dibenarkan ialah 0.1 – 0.4 ha dan Maksima 2ha/LVT khusus untuk 3 – 5 tapak/granary area untuk 2 – 4 musim penanaman sahaja.

KEPERLUAN DAN SYARAT IMPORT BENIH PADI / PADI HYBRID BAGI TUJUAN PENYELIDIKAN


Verifikasi premis pengimport/penyelidik merangkumi tempat penyimpanan benih padi, makmal, rumah kaca dan plot/bendang. Manakala bagi verifikasi plot/bendang untuk peringkat 3 (LVT), pihak pengimport/penyelidik perlu memaklumkan tempat dan alamat plot/bendang kepada UKSM, BBT bagi prosedur pemantauan dan pensampelan.

D. CARTA ALIR PERMOHONAN PENGIMPORAN BENIH PADI UNTUK TUJUAN PENYELIDIKAN



****PERHATIAN :** Pengimport juga perlu mendapat surat kelulusan bagi mengimport biji benih dari Seksyen Kawal Selia Padi, Bahagian Industri Padi dan Beras, Kementerian Pertanian & Industri Asas Tani

- i. Penyaringan sampel benih padi di PEQ, BBT.
- ii. Baki benih padi *diseal* dan disimpan di premis pengimport / PEQ, BBT.
- iii. Penyelidikan bermula selepas keputusan penyaringan negatif perosak
- iv. Hot water treatment dijalankan di premis pengimport dengan pemantauan pengawai BBT DOA.



E. JAWATANKUASA PENGIMPORAN BENIH PADI (PBP)

KEANGGOTAAN JAWATANKUASA PBP

- Pengerusi : Pengarah Bahagian Biosekuriti Tumbuhan
- Ahli-ahli :
 1. Seksyen Kawal Selia Padi, Bahagian Industri Padi dan Beras, MOA
 2. Jabatan Pertanian Sarawak
 3. Jabatan Pertanian Sabah
 4. Malaysian Quarantine and Inspection Service (MAQIS)
 5. Bahagian Pengembangan Pertanian dan Industri Asas Tani, DOA
 6. Bahagian Padi, Tanaman Industri dan Florikultur, DOA
 7. Wakil Pusat Penyelidikan Padi & Tanaman Industri, MARDI
 8. Ketua Seksyen Penguatkuasaan, BBT DOA
 9. Ketua Seksyen Kawalan Import & Eksport, BBT DOA
 10. Ketua Seksyen Kepakaran & Diagnostik, BBT DOA
 11. Ketua Seksyen Pengurusan Perosak, BBT DOA
 12. Ketua Unit Kuarantin Lepas Masuk, BBT DOA
 13. Ketua Unit Patologi Tumbuhan, BBT DOA
 14. Ketua Unit Kawalan Import & PRA, BBT DOA
- Urusetia : Unit Kawalan Import & PRA, BBT DOA

TERMA DAN RUJUKAN (TERM OF REFERENCE) JAWATANKUASA PENGIMPORAN BENIH PADI UNTUK TUJUAN PENYELIDIKAN ADALAH SEPERTI BERIKUT:

1. Bertanggungjawab mempertimbangkan permohonan pengimportan benih padi dari segi Sanitary & Phytosanitary (SPS).
2. Mengesahkan syarat-syarat dan keperluan pengimportan.
3. Kekerapan mesyuarat bergantung kepada permohonan.

JAWATANKUASA TEKNIKAL : TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB JAWATANKUASA PBP ADALAH SEPERTI BERIKUT:

1. Melantik mana-mana pakar yang bersesuaian dengan bidang tertentu.
2. Menentukan keperluan PRA untuk setiap permohonan pengimportan.
3. Menentukan keperluan pemeriksaan kuarantin (fact finding dan pre-clearance).
4. Menilai keputusan risk assessment sesuatu permohonan.
5. Menentukan syarat-syarat dan keperluan pengimportan.

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB URUSETIA JAWATANKUASA PBP SEPERTI BERIKUT:

1. Menerima, menyemak dan meneliti permohonan pengimportan padi bagi tujuan penyelidikan (maklumbalas dalam masa 5 hari bekerja)
2. Semakan permohonan dan tindakan berikut perlu dijalankan:
 - i. Pengesahan permohonan.
 - ii. Semakan dokumen permohonan (maklumat pengimportan, maklumat komoditi/perosak dan lain-lain).
 - iii. Memohon maklumat tambahan pengimportan daripada pengimport (Borang PRA dan [Lampiran 1](#)).
 - iv. Mengumpul maklumat komoditi/perosak dari rujukan.
 - v. Memohon dokumen teknikal daripada National Plant Protection Organization (NPPO) negara pengeksport dan salinan surat permohonan kepada pengimport.
 - vi. Permohonan semula atau peringatan permohonan dokumen teknikal daripada NPPO dalam tempoh 3 bulan sekiranya teknikal dokumen belum diterima.
 - vii. Semakan teknikal dokumen dan penyediaan PRA yang diterima dari NPPO negara pengimport.
 - viii. Menguruskan mesyuarat Jawatankuasa PBP bergantung permohonan.
 - ix. Menguruskan pemeriksaan kuarantin iaitu fact finding dan pre-clearance.
 - x. Berkomunikasi dengan pengimport, pengeksport dan NPPO negara pengeksport.

F. SENARAI SEMAK AKTIVITI KUARANTIN SELEPAS MASUK PENGIMPORAN BENIH PADI BAGI TUJUAN PENYELIDIKAN

Nama dan Alamat Pemohon	:	
No. Telefon	:	

Bil.	Aktiviti/Perkara	TINDAKAN	Pegawai bertanggungjawab	Tarikh	Tandatangan
1.	<p>Pengimport perlu memaklumkan kepada Pegawai Pemeriksa Jabatan Pertanian di National Post Entry Quarantine (NPEQ) Serdang, Selangor tarikh sebenar ketibaan konsainan (biji benih padi) dari negara pengeksport 1 minggu lebih awal daripada tarikh ketibaan.</p> <p>Pintu masuk : KLIA sahaja</p> <p>Konsainan perlu di alamatkan kepada (seperti yang dinyatakan di dalam Permit Import) :</p> <p style="padding-left: 40px;">c/o Director of Plant Biosecurity Division Department of Agriculture Malaysia National Post Entry Quarantine Serdang, Selangor</p>	Pengimport Unit Kuarantin Selepas masuk (UKSM)	<p>NPEQ No. Tel: 03 – 8948 4675/0995)</p>		
2.	<p>Apabila konsainan tiba di pintu masuk, pengimport perlu mengisytiharkan konsainan kepada Malaysian Quarantine and Inspection Service (MAQIS) dan dibawa ke Unit kuarantin Selepas Masuk (UKSM/NPEQ) bersama - sama dengan pegawai MAQIS untuk pemeriksaan dan pensampelan. Baki konsainan akan dimeteri semula (re-selaed) oleh MAQIS.</p>	Pengimport MAQIS KLIA UKSM	<p>MAQIS KLIA No. Tel: 03 – 8787 2016</p> <p>NPEQ No. Tel: 03 – 8948 4675/0995)</p>		
3.	<p>Sekiranya keputusan penyaringan negatif - pengimport akan memulakan aktiviti penyelidikan setelah menerima surat keputusan penyaringan daripada UKSM.</p> <p>**Kelulusan pengimportan ini tertakluk kepada kuarantin selepas masuk dan pemantauan di NPEQ atau premis pengimport yang diluluskan untuk satu musim penanaman.</p>	UKSM Pengimport	<p>NPEQ No. Tel: 03 – 8948 4675/0995)</p>		

Bil.	Aktiviti/Perkara	TINDAKAN	Pegawai bertanggungjawab	Tarikh	Tandatangan
4.	<p>Bagi kuarantin selepas masuk dan pemantauan di premis pengimport: Pengimport perlu memaklumkan kepada Pegawai Pemeriksa Bahagian Biosekuriti Tumbuhan (BBT) Negeri ketibaan konsainan di premis pengimport bagi tujuan penyimpanan konsainan yang dimeteri (sealed) di premis pengimport yang telah diverifikasi.</p>	Pengimport BBT Negeri	BBT Negeri No. Tel:		
5.	<p>Pengimport memaklumkan kepada Pegawai Pemeriksa BBT Negeri tarikh untuk aktiviti membuka meteri (seal) konsainan dan membuat rawatan kuarantin air panas (Hot Water Treatment) sebelum penanaman. Proses rawatan perlu dipantau oleh Pegawai Pemeriksa BBT Negeri dari awal hingga akhir proses. Surat keputusan penyaringan dari UKSM perlu dikemukakan kepada Pegawai Pemeriksa BBT Negeri pada tarikh meteri dibuka dan rawatan dijalankan untuk pengesahan.</p> <p><i>Treatments must be undertaken in Malaysia : Hot water treatment at 55°C for 15 minutes <u>one (1) or two (2) days before planting at the importer premise with the presence of DOA Inspecting Officer.</u></i></p>	Pengimport BBT Negeri	BBT Negeri. No. Tel:		
6.	<p>PEMANTAUAN DI PREMIS PENYELIDIKAN PENGIMPORT Pegawai Pemeriksa BBT Negeri akan menjalankan pemantauan dari masa ke semasa pada bila-bila masa sepanjang penempatan di premis penyelidikan pengimport (sekurang-kurangnya 3 kali). Pegawai Pemeriksa BBT perlu menghantar laporan bagi setiap pemantauan yang dijalankan kepada UKSM dan sesalinan kepada urusetia.</p>	BBT Negeri UKSM	BBT Negeri. No. Tel: NPEQ. No. Tel: 03 – 8948 4675/0995)		
11.	<p>Pengimport perlu memaklumkan kepada BBT Negeri berkenaan dengan segera jika mengesan perosak/penyakit sepanjang tempoh penyelidikan sebelum mengambil langkah pembasmian perosak/penyakit.</p> <p>Setiap tindakan perlu direkod dan disahkan oleh Pegawai Pemeriksa BBT.</p>	Pengimport BBT Negeri BBT Cameron Highland	BBT Negeri. No. Tel:		

Bil.	Aktiviti/Perkara	TINDAKAN	Pegawai bertanggungjawab	Tarikh	Tandatangan
12.	Selepas tamat penyelidikan, semua konsainan (biji benih, anak pokok dan pokok padi) perlu dimusnahkan. Pengimport perlu memaklumkan kepada Seksyen Penguatkuasaan, BBT sebelum pelupusan. Bukti pelupusan perlu direkodkan dalam Borang PQ 12 Pind. (2013) dengan kehadiran Pegawai Pemeriksa BBT Negeri dan tidak sah tanpa pengesahan daripada Pegawai Pemeriksa BBT.	Pengimport Unit Kuarantin Domestik (UKD) BBT Negeri	UKD, BBT KL. No. Tel: 03 – 2030 1411 BBT Negeri. No. Tel:		
13.	Pengimport membentangkan laporan akhir penyelidikan kepada JK PBP terutama rekod penyakit dan perosak yang dikesan sepanjang penyelidikan. Pengimport menghantar satu salinan laporan akhir penyelidikan kepada urusetia JK PBP.	Pengimport Urusetia	Urusetia JK PBP. No. Tel: 03 – 2030 1407/1434		

CATATAN:

1. Jabatan Pertanian Malaysia mempunyai hak untuk menggantung pengimportan akan datang, merampas atau memusnahkan benih padi yang diimport sekiranya berlaku mana-mana ketidakpatuhan sepanjang tempoh kuarantin selepas masuk yang ditetapkan selaras dengan Peraturan 10 (2),(3) dan Peraturan 13 (1),(2) Peraturan-Peraturan Kuarantin Tumbuhan 1981 ([Lampiran 2](#)).

NOTA:

1. Pengimport juga perlu memaklumkan kepada Urusetia JK PBP (pradoamy13@gmail.com dan nisa@doa.gov.my) berhubung aktiviti yang telah dijalankan.